



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (59)  
Tarikh : 3 Disember 2017

## **SIARAN MEDIA**

### **Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Sesi 2016-2018 dan Penganugerahan Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 Bagi Negeri Melaka**

Ayer Keroh, 3 Disember 2017 – YAB Ketua Menteri Melaka menyempurnakan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Sesi 2017-2019 dan Penganugerahan Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 Bagi Negeri Melaka. YB Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengiringi YAB Ketua Menteri Melaka ke majlis ini.

2. KPKT telah melantik 960 orang Anggota JPP Negeri Melaka bagi penggal kedua sesi 2016-2018. Pelantikan ini telah menjadikan Negeri Melaka mencapai 100% keanggotaan JPP yang lengkap mengikut zon.

3. Bagi negeri Melaka, KPKT telah menyalurkan Pemberian Peruntukan Khas KPKT berjumlah RM30,000 pada 7 Mac 2017 kepada setiap 4 Ahli Parlimen iaitu Masjid Tanah, Alor Gajah, Tangga Batu dan Jasin untuk Program Gerak Kerja JPP dan Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat dan membina 8 *Centre of Urban Wellbeing* (CUBE) dengan peruntukan sebanyak RM880,000.00 bagi memantapkan peranan JPP sebagai jentera transformasi sosial untuk menangani isu-isu kesejahteraan bandar.

4. Sehingga 30 November 2017, sebanyak 2,272 zon JPP telah ditubuhkan di seluruh Semenanjung dan seramai 18,594 Anggota JPP yang telah dilantik. JPP yang mula ditubuhkan secara berperingkat mulai bulan Julai 2014. Ini adalah selaras

dengan Bab 3 Bidang Fokus B Rancangan Malaysia Ke Sebelas iaitu untuk memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera.

5. Selain daripada penyampaian watakah JPP, pada hari ini juga akan diadakan penganugerahan sijil penarafan bintang kepada PBT di negeri Melaka bagi penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2016 di mana 1 PBT yang mendapat penarafan 5 bintang dan 3 PBT menerima penarafan 4 bintang seperti berikut:

- Penarafan 5 bintang : Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
- Penarafan 4 bintang : Majlis Perbandaran Alor Gajah, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan Majlis Perbandaran Jasin.

6. Pada masa hadapan, KPKT akan mengukur prestasi SPB-PBT berdasarkan kepada kemampuan untuk memberi respon aduan yang cepat menerusi *on-line* menerusi kemudahan yang disediakan oleh KPKT iaitu iKepoh. Aplikasi ini boleh dimuat naik melalui *mobile*, *Google Play* atau *Apple Store* atau GAMMA Malaysia. Pada masa kini, 96 daripada 98 PBT di Semenanjung Malaysia telah menggunakan iKepoh. Ini telah menunjukkan bahawa majoriti PBT telah pun melaksanakan respon aduan menerusi *on-line*.

7. SPB-PBT yang bertujuan untuk mengukur tahap prestasi penyampaian perkhidmatan PBT bagi bidang-bidang pengurusan organisasi, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penglibatan komuniti serta pandangan penduduk SPB-PBT di Semenanjung Malaysia mula dilaksanakan pada 2008 hasil keputusan Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-57 pada tahun 2007 bagi semua PBT di seluruh Malaysia. Sehingga hari ini ia telah dilaksanakan sebanyak 4 kali iaitu 2008, 2010, 2013 dan 2016.

8. Penarafan 5 bintang diberi kepada PBT yang mencapai markah 90% ke atas. Penarafan 4 bintang diberi kepada PBT yang mencapai markah 75-89%, manakala penarafan 3 bintang diberi kepada PBT yang mencapai markah 60-74%. Penarafan

2 bintang diberi kepada PBT yang mencapai markah 45-59% dan Penarafan 1 bintang diberi kepada PBT yang mencapai markah kurang daripada 45%.

Sasaran nasional bagi SPB-PBT menjelang 2021 ialah 90% PBT di seluruh negara mencapai sekurang-kurangnya 4 bintang.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*